

**Title** : Analisis Minda Qurani dalam Pengurusan Air dan Sungai

**Author(s)** : Suhaila binti Zakaria

**Institution** : Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya Kuala Lumpur

**Category** : Article, Competition

**Topics** : Environment, Religion

**ANALISIS MINDA QURANI DALAM PENGURUSAN AIR DAN  
SUNGAI**

**SUHAILA BINTI ZAKARIA**

**S2032192**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2020**

# BAB 1 PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Islam merupakan cara hidup dengan peraturan dan amalan yang mudah difahami, serta garis panduan yang jelas untuk semua umat Islam. Antara garis panduan yang digaris dalam al-Quran termasuklah dalam pengurusan alam semesta. Allah s.w.t. mencipta alam semesta ini mengikut bahagian yang sewajarnya sebagaimana firman Allah :

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ

Maksudnya : “Sungguh, Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran”. (Surah al-Qamar: 49)

Alam semesta ini wujud dalam kepelbagaian yang amat besar dalam bentuk dan fungsi bagi memenuhi kebajikan manusia serta menjadi bukti kebesaran Allah. Allah tidak menciptakan alam semesta ini sia-sia. Semua perkara yang diciptakan adalah untuk ‘berkhidmat’ kepada Tuhan Yang Esa yang memberi kelestarian selain mengawal kitaran hidup dan mati (Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin 2019). Firman Allah :

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَىٰ ۚ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ ۚ ذَٰلِكُمْ اللَّهُ ۚ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ

Maksudnya : “Sesungguhnya Allah menumbuhkan butir tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan. Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. (Yang memiliki sifat-sifat) demikian ialah Allah, maka mengapa kamu masih berpaling?” (Surat Al-An'am: 95)

Berdasarkan firman Allah dalam al-Quran, Islam amat menekankan kepentingan dalam pengurusan alam sekitar termasuklah pengurusan air dan sungai. Berkait rapat dengan kajian yang ingin dikaji iaitu “Analisis Minda Qurani Dalam Pengurusan Air Dan Sungai”

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Dasawarsa ini, masyarakat sering membicarakan tentang isu-isu alam sekitar terutamanya dalam pengurusan air dan sungai. Beberapa permasalahan yang begitu merisaukan kepada masyarakat pada akhir-akhir ini kerana berlakunya pencemaran air dan sungai serta gangguan kitaran air di kawasan penduduk masing-masing. Saban hari di kaca televisyen atau surat khabar serta di laman sosial memaparkan masalah pengurusan air dan sungai kian meningkat. Antara salah satu faktornya adalah tingkah laku manusia yang mengabaikan pemuliharaan air dan sungai. Mereka tidak celik minda Qurani iaitu suatu minda yang mempunyai kesedaran baharu, pemikiran baharu dan kehendak baharu<sup>1</sup> dengan berpandukan al-Quran bahawa kepentingan air dan sungai dalam kehidupan seharian.

Diterbitkan di laman sesawang Sinar Harian (2020)<sup>2</sup> mengenai “Bila Badai Reda – Cabaran Industri Air”, penulis telah menyatakan air merupakan nadi kehidupan. Walaupun Malaysia mempunyai sumber air mentah yang banyak, kita berdepan dengan peningkatan permintaan yang mendadak kebelakangan ini. Ramai yang memandang ringan hal sumber semula jadi ini, malah beranggapan bahawa proses membekalkan air bersih adalah murah dan mudah. Tambahan pula, operator perkhidmatan bekalan air di Malaysia kini berdepan pelbagai cabaran dalam memastikan pengguna mempunyai bekalan air bersih yang berterusan, dan memastikan kelestarian masa depan bekalan air. Memahami cabaran ini adalah kunci utama dalam mengenal pasti tanggungjawab bersama dalam memulihara sumber asli ini.

Di dalam Islam, air dianggap sebagai asas kehidupan sebagaimana Allah swt berfirman:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ.....

Maksudnya : “Dan Kami jadikan daripada air setiap benda yang hidup...” (Surah Al Anbiya’: 30)

---

<sup>1</sup> Unit Perhubungan Korporat , Seminar Sehari ‘Pembangunan Minda Qur’ani’, diterbit 09 Mac 2021, <http://www.ikim.gov.my/index.php/2021/03/09/seminar-sehari-pembangunan-minda-qurani/>

<sup>2</sup> Penulis tidak diketahui, “Bila Badai Reda – Cabaran Industri Air”, diakses 20 Oktober 2020, <https://www.sinarharian.com.my/article/106083/BISNES/Bila-Badai-Reda-ndash-Cabaran-Industri-Air>

Dalam al-Quran juga menyatakan bahawa semua makhluk diciptakan daripada air sebagaimana dalam firman Allah:

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّن مَّاءٍ فَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَى بَطْنِهِ وَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَى رِجْلَيْنِ وَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَى أَرْبَعٍ  
يَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya : “Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air; maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian di antaranya berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang Ia kehendaki (selain dari yang tersebut), kerana sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” (Surah An Nur: 45)

Mohd Istajib Mokhtar dan Raihanah Abdullah (2012)<sup>3</sup>, dalam jurnalnya yang bertopik “Undang-Undang Air Islam: Analisis Komparatif Terhadap Aspek Kualiti Air” telah membentangkan di dalam al-Quran dan al-Hadith telah diterangkan tentang kegunaan air kepada kehidupan dan kepentingannya dalam memastikan kelangsungan hidup semua makhluk dan keseimbangan ekosistem. Mufti Negeri Johor menyatakan air merupakan suatu nikmat menuju hasanah dunia dan hasanah akhirat yang perlu diurus dengan sebaik-baiknya kerana ia akan dipersoalkan di akhirat kelak. Sememangnya terdapat pelbagai kegunaan air yang menjadi mesej Allah kepada hambaNya.

Begitu juga dengan kepentingan sungai, dari sudut pandangan Islam, memelihara sungai juga bermaksud melindungi kehidupan kita. Dalam kajian Nur Usanai Anuar et al., (2019)<sup>4</sup> yang bertajuk “Pemuliharaan Sungai Menurut Islam Dan Aplikasinya Dalam Konteks Sungai Terengganu” telah menjelaskan konsep pemuliharaan sungai menurut Islam. Pemuliharaan sungai merupakan satu aspek yang sangat penting dan amat dititikberatkan dalam Islam. Hal ini kerana, pengurusan dan pemuliharaan sungai perlu diwujudkan bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, Islam menekankan kebersihan dalam seluruh aspek kehidupan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap insan untuk menjaga kebersihan sungai bagi memastikan kelestarian sungai.

<sup>3</sup> Mohd Istajib Mokhtar dan Raihanah Abdullah, “Undang-Undang Air Islam: Analisis Komparatif Terhadap Aspek Kualiti Air”, Jurnal Syariah, Jil. 20, Bil. 2 (2012) 185-218, 8

<sup>4</sup> Nur Usanai Anuar et al., Pemuliharaan Sungai Menurut Islam Dan Aplikasinya Dalam Konteks Sungai Terengganu, (Terengganu : Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia 2019), 6

Sungai yang bersih dengan kualiti air yang terpelihara akan menjanjikan keseimbangan ekologi untuk hidupan akuatik ini. Ia juga menjamin punca rezeki untuk manusia dan haiwan. Sungai juga merupakan medium perhubungan, pengangkutan dan komunikasi yang amat penting bagi manusia (M. Fakhurrazi Ahmad et al., 2019).

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ الْيَوْمَ الْيَوْمَ

Maksudnya: “Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya)” (Al-Baqarah:164).

Intihannya, bahawa air dan sungai sangat penting dalam kehidupan dibuktikan dengan Al-Quran telah beberapa kali merujuk terma-terma yang mempunyai kaitan dengan air dan hidrologi untuk menggambarkan kepentingan air dalam kehidupan. Dalam Modul “Islam dan Pemeliharaan Sungai: Melestarikan Syiar Rahmatan Lil 'Alamin” yang ditulis oleh M. Fakhurrazi Ahmad et al., (2019)<sup>5</sup> telah menganalisis bahawa perkataan Al-Maa' (Air) misalnya disebut sebanyak 63 kali di dalam Al-Qur'an manakala perkataan yang merujuk kepada sungai muncul sebanyak 52 kali dan ayat berkenaan dengan mata air, hujan dan awan tidak kurang dari 5 kali bagi setiap satu. Dari sudut hadith Rasullullah SAW pula, terdapat 28 hadith di dalam Kitab Sahih Bukhari, Jilid 3, buku 40 (bermula dari hadith 541 sehingga 569) yang kesemuanya menceritakan mengenai pengurusan air.

### 1.3 Penyataan Masalah

Kebelakangan ini, pengkaji telah meneliti isu-isu berkaitan akhlak individu terhadap alam sekitar terutamanya dalam pengurusan air dan sungai antaranya, akhlak dan cara berfikir yang tidak berminda Qurani selari dengan tuntutan al-Quran. Oleh hal yang demikian, individu mengambil sikap sambil lewa dan tidak merasa akan penjagaan alam sekitar perlu dititikberatkan.

---

<sup>5</sup> M. Fakhurrazi Ahmad et al., Modul Islam dan Pemeliharaan Sungai: Melestarikan Syiar Rahmatan Lil 'Alamin (Kuala Lumpur: International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, 2019), 11

Berdasarkan pemerhatian, didapati baru-baru ini Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil (2021) telah mengatakan di dalam Sinar Harian (2021)<sup>6</sup>, berlaku gangguan air Selangor: 15 badan kerajaan, swasta disaman, Ahli Parlimen Wangsa Maju, Datin Paduka Dr Tan Yee Kew dalam satu kenyataan berkata, “selain menghukum pihak yang mencemarkan sungai, badan-badan kerajaan dan syarikat swasta yang bertanggungjawab untuk mencegah pencemaran juga harus dihukum kerana culas dalam pekerjaan. Kita lihat kepada industri air negara, terdapat cukup undang-undang bagi memastikan bekalan air bersih dan berterusan, serta pencemaran sumber-sumber air dapat dicegah. Jika semua pihak yang diberi kuasa dan tanggungjawab untuk mencegah pencemaran air melakukan tugas dengan jujur, gangguan bekalan air disebabkan pencemaran sepatutnya langsung tidak berlaku, atau sekurang-kurangnya tidaklah begitu kerap terjadi.”

Kelakuan seperti inilah yang perlu diubah bagi melestarikan alam sekitar dan secara tidak langsung meringankan beban pihak berkenaan. Selanjutnya, di laman sesawang Sinar Harian (2020)<sup>7</sup> juga memaparkan tentang “Bila Badai Reda – Cabaran Industri Air”, penulis memberi penerangan menurut kajian mengenai sumber air tawar Malaysia oleh World Wildlife Foundation (WWF), 97% sumber air tawar negara ini berasal dari sungai. Kebanyakan loji rawatan air di Malaysia merawat air mentah dari sungai. Walau bagaimanapun, kebanyakan sumber air ini tercemar akibat aktiviti manusia. Apabila sumber air mentah tercemar, loji rawatan air mungkin perlu ditutup apabila tahap pencemaran melebihi tahap parameter selamat yang dibenarkan dalam proses rawatan atau melebihi kemampuan proses rawatan.

Seterusnya, Anwar Patho Rohman(2014)<sup>8</sup> pernah menyatakan dalam penulisannya mengenai “Kemosotot Sumber Air Angkara Tangan Manusia” bahawa mungkin ramai yang tidak sedar akan masalah ini. Sumber air negara menjadi semakin merosot disebabkan banyak hutan dan bukit yang menjadi kawasan tadahan air diteroka serta digondolkan bagi tujuan pembangunan. akibat aktiviti penebangan pokok dan menggondolkan bukit secara

---

<sup>6</sup> Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil, Gangguan Air Selangor: 15 Badan Kerajaan, Swasta Disaman, diterbitkan 18 Mei 2021, <https://www.sinarharian.com.my/article/139114/EDISI/Gangguan-air-Selangor-15-badan-kerajaan-swasta-disaman>

<sup>7</sup> Penulis tidak diketahui, “Bila Badai Reda – Cabaran Industri Air”, diakses 20 Oktober 2020,

<https://www.sinarharian.com.my/article/106083/BISNES/Bila-Badai-Reda-ndash-Cabaran-Industri-Air>

<sup>8</sup> Anwar Patho Rohman, “Kemosotot Sumber Air Angkara Tangan Manusia”, diterbitkan 07 Oktober 2014, <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/10/10052/kemosotot-sumber-air-angkara-tangan-manusia>

massa bagi tujuan pembangunan sesebuah kawasan, khasnya bagi mengejar keuntungan dalam sektor hartanah. Aktiviti berkenaan sebenarnya amat menyumbang kepada berlakunya perubahan iklim di negara ini. Kegiatan ini memberi kesan buruk terhadap alam sekitar serta dapat mempengaruhi cuaca dan iklim tanpa disedari.

Melihat kepada kemelut tingkah laku individu terhadap pengurusan air dan sungai, maka pengkaji merasakan perlu dibuat pengkajian berkaitan konsep minda Qurani dengan melihat tatacara dan etika individu terhadap pengurusan air dan sungai melalui penghayatan nilai-nilai yang dibawa oleh al-Quran agar dapat memberi kesedaran kepada individu mahupun masyarakat awam akan kepentingan memulihara air dan sungai.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Pengkaji mempunyai beberapa objektif dan tujuan dalam mengkaji tajuk ini, iaitu :

- 1.4.1 Menganalisis konsep minda Qurani dalam pengurusan air dan sungai sama ada definisi minda qurani
- 1.4.2 Mengetahui peranan air dan sungai menurut al-Quran.
- 1.4.3 Mengkaji tatacara dan etika individu terhadap pengurusan air dan sungai melalui minda Qurani

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Beberapa persoalan kajian telah dikemukakan bagi menentukan objektif kajian yang hendak dicapai :

- 1.5.1 Apakah konsep minda Qurani dalam pengurusan air dan sungai?
- 1.5.2 Apakah peranan air dan sungai menurut al-Quran?
- 1.5.3 Apakah tatacara dan etika individu terhadap pengurusan air dan sungai melalui minda Qurani?

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting dalam menganalisis konsep minda Qurani dalam pengurusan air dan sungai seperti menitikberatkan penjagaan terhadap alam sekitar umumnya iaitu dengan cara menghidupkan jiwa, mendidik rohani dan minda individu melalui penghayatan nilai-



nilai yang dibawa oleh al-Quran dan beramal dengan nilai-nilai tersebut. Hal ini kerana, al-Quran merupakan panduan dan rujukan terpenting kepada umat Islam dalam segenap aspek kehidupan. Penekanan minda Qurani akan dapat menyuntik motivasi diri agar dapat membuka minda terhadap sesuatu perkara yang ingin dilakukan. Dalam pada itu, minda yang seperti inilah akan menyeru manusia melakukan kebaikan, perbuatannya selari dengan tuntutan Islam dan membawa manusia berfikir tentang akibat perbuatan yang dilakukan. Justeru, masalah yang berlaku seperti pencemaran air dan sungai, gangguan kitaran air akibat penebangan hutan yang tidak terkawal juga akan berkurang. Kajian ini akan dapat memberi dan membangkitkan kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan dalam pemuliharaan alam sekitar khususnya air dan sungai dengan cara penghayatan mesej yang terkandung dalam al-Quran agar mereka tidak sembarangan melakukan pencemaran alam sekitar.

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini membincangkan mengenai tatacara dan etika manusia terhadap pemuliharaan alam sekitar khususnya air dan sungai, berdasarkan konsep minda Qurani. Pengkaji membincang dan menganalisis minda Qurani dalam diri individu terhadap pengurusan air dan sungai yang berkeupayaan mencetuskan perbuatan-perbuatan yang tidak berperikemanusiaan seterusnya mengakibatkan berlaku kerosakan alam sekitar seperti pencemaran air dan sungai. Pengkaji menjuruskan pengurusan air dan sungai berdasarkan hasil pembacaan dan pemerhatian di laman sesawang, terdapat pelbagai isu alam sekitar berkaitan air dan sungai. Pengkaji memfokuskan kajian ini kepada konsep minda Qurani dalam pengurusan air dan sungai. Oleh itu, pengkaji tidak mengupas pengurusan dan peranan air dan sungai secara terperinci. Pengkaji hanya menyentuh pentakrifan dan peranan pengurusan air dan sungai secara ringkas kerana tumpuan pengkaji adalah etika atau tatacara manusia terhadap pengurusan alam sekitar melalui minda Qurani.

### **1.8 Pecahan Bab**

Dalam kajian ini terdapat 5 bab utama dimulakan dengan bab pendahuluan dan diakhiri dengan rumusan. Bab Pertama iaitu Pendahuluan pengkaji memuatkan latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, objektif, persoalan, kepentingan dan skop kajian serta pecahan dan diakhiri dengan kesimpulan. Dalam Bab Kedua iaitu tinjauan penulis terhadap kajian-kajian lepas yang merangkumi ulasan kajian, landasan teori dan juga

kesimpulan. Dalam Bab Ketiga pula membentangkan mengenai metodologi kajian yang mengandungi reka bentuk kajian yang digunakan, metode pengumpulan data, sampel dan instrumen kajian serta metode analisis data. Seterusnya, dapatan kajian dan perbincangan yang dibuat termasuk dalam Bab Keempat. Bab yang terakhir iaitu Bab Kelima. Di sini pengkaji membuat kesimpulan daripada keseluruhan kajian yang telah dijalankan dan pengkaji turut mengemukakan beberapa cadangan untuk diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan serta dimasukkan bibliografi di mana bahan rujukan yang digunakan dalam menghasilkan kajian selepas bab 5.

## **1.9 Kesimpulan**

Secara tuntasnya, kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri dengan memberi penekanan minda Qurani terhadap pengurusan air dan sungai. Juga diulas secara ringkas dalam kajian ini tentang minda Qurani serta peranan air dan sungai yang telah dinyatakan di dalam al-Quran akan kepentingan air dan sungai kepada kehidupan seharian. Tambahan pula, dikaitkan dengan isu-isu terhadap pengurusan air dan sungai yang berlaku di negara ini. Hal ini berpunca daripada salah satu angkara sikap manusia yang tidak bertanggungjawab dalam memulihara alam sekitar. Wajarliah masyarakat perlu cakna terhadap keadaan sekeliling dengan membuka minda yang selari dengan tuntutan al-Quran.

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam usaha menghasilkan satu kajian, tinjauan kajian-kajian terdahulu perlu dilakukan bagi memastikan kajian yang dijalankan dapat dikenalpasti lompang kajian serta menyumbang kepada bidang akademik supaya ia tidak menjadi suatu pengulangan.

#### **2.2 Sorotan Literatur**

Sebelum memulakan kajian, pengkaji telah membuat sorotan kajian yang terdahulu melalui beberapa bahan dalam bentuk bertulis seperti kertas kerja, jurnal, latihan ilmiah, disertasi atau tesis dan sebagainya. Dalam tinjauan pengkaji mengenai kajian-kajian yang berkaitan dengan Analisis Minda Qurani Dalam Pengurusan Air dan Sungai dari segi aspek pengajaran dan pembelajaran dalam konteks lokasi dan responden adalah berbeza.

Antaranya kajian yang dikumpul oleh Muhammad Rizal Razman et al.,(2013)<sup>9</sup> dalam Prosiding Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran Di Alam Melayu yang ditulis oleh Haliza Abdul Rahman(2018)<sup>10</sup> mengenai “Pembangunan Dan Konsep Kelestarian Di Malaysia”. Beliau membentangkan bahawa dalam prinsip pembangunan lestari tiada pihak sama ada negara, masyarakat atau individu dibenarkan mengeksploitasi, menurunkan kualiti atau memusnahkan alam sekitar dan segala komponennya secara sewenang-wenang dalam usaha mencapai kemajuan dan kesejahteraan hidup. Kita telah sampai ke peringkat kritikal kerana krisis dan bencana persekitaran kini telah pun menjejaskan kehidupan dan kesihatan manusia seluruhnya.

Permasalahan ini akan menimbulkan ancaman lebih besar terhadap manusia pada dekad-dekad akan datang jika kita gagal bertindak sekarang melalui kaedah dan strategi yang betul dalam usaha mengekang segala permasalahan yang timbul akibat kelalaian dan kecuaiannya sendiri. Walau bagaimanapun beliau tidak menekankan minda Qurani yang selari dengan tuntutan al-Quran. Dasawarsa inilah kita perlu melihat kembali kepada nilai-

---

<sup>9</sup> Muhammad Rizal Razman et al., “Prosiding Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran Di Alam Melayu”, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia 333.72 2013, 1

<sup>10</sup> Haliza Abdul Rahman, “Pembangunan Dan Konsep Kelestarian Di Malaysia”, Jurnal 2018, 9

nilai yang dibawa oleh al-Quran dan beramal dengan nilai-nilai tersebut. Dengan penghayatan nilai-nilai al-Quran yang menyeluruh mampu mengubah minda masyarakat yang baharu bahawa kepentingan alam sekitar terutama dalam pengurusan air dan sungai adalah tanggungjawab bersama.

Begitu juga dengan penulisan Chern-Wern Hong et al.,(2013)<sup>11</sup> yang berkaitan dengan “Ancaman Dan Cabaran Dalam Pembangunan Lestari Taman Negara Di Pulau Pinang”. Tetapi beliau mengkhususkan lokasi pengkajian di Pulau Pinang bahawasanya lokasi tersebut adalah kaya dalam sumber warisan semulajadi yang disediakan dengan beberapa ciri unik seperti tasik meromictic, pantai bersih, anak sungai bersih dan lain-lain. Ia juga mempunyai potensi untuk berkhidmat sebagai destinasi pelancongan untuk aktiviti ekopelancongan. Selain itu, pembinaan infrastruktur juga boleh menjejaskan alam sekitar dan ekosistem di taman dan terdapat banyak ancaman seperti pencerobohan dari pertanian, pencemaran sisa pepejal, dan pemburuan haram. Ia adalah satu cabaran untuk mengurangkan ancaman melalui penguatkuasaan yang ketat, penglibatan semua pihak yang berkepentingan melalui penguatkuasaan. Oleh itu, kajian ini dikaji bagi menyedarkan masyarakat melalui minda ataupun tingkah laku yang dipandu oleh isi kandungan yang ditetapkan oleh al-Quran.

Selain itu, di Sungai Negeri Terengganu yang telah dilaksanakan oleh Nur Usanai Anuar et al., (2019)<sup>12</sup> yang bertajuk “Pemuliharaan Sungai Menurut Islam Dan Aplikasinya Dalam Konteks Sungai Terengganu” telah mengkaji bahawa antara salah satu punca pencemaran Sungai di Negeri Terengganu adalah kerana perbuatan manusia itu sendiri yang mana penempatan mereka yang berada di persisiran sungai. Kes yang baru berlaku di Setiu, Terengganu pada 3 Oktober 2019 yang mana terdapat aktiviti pertanian lading sawit di mana mereka merembeskan terus air siraman padi yang menyebabkan air yang bercampur dengan baja yang mengandungi racun terus mengalir ke sungai. Hal ini menyebabkan ikan sangkar yang ditenak di dalam sungai mati akibat keracunan. Walau begitu, penternakan ikan sangkar itu sendiri juga menyebabkan pencemaran sungai disebabkan oleh makanan ikan namun ianya bebas dari bahan kimia. Hal ini jelas bahawa manusia perlu diberi kesedaran

---

<sup>11</sup> Chern-Wern Hong et al., “Ancaman Dan Cabaran Dalam Pembangunan Lestari Taman Negara Di Pulau Pinang”, Jurnal 2013, 20

<sup>12</sup> Nur Usanai Anuar et al., Pemuliharaan Sungai Menurut Islam Dan Aplikasinya Dalam Konteks Sungai Terengganu, (Terengganu : Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia 2019), 7

dan disemai dengan etika dan tatacara melalui mesej-mesej yang disampaikan oleh al-Quran dalam pemuliharaan air dan sungai.

Dalam pada itu, pemerhatian dijalankan terhadap kajian yang telah ditulis oleh M. Fakhrurrazi Ahmad (2019) mengatakan secara umumnya, punca pencemaran badan air (sungai / tasik / laut) di Malaysia adalah berkait rapat dengan peningkatan tahap bahan organik di dalam badan air seperti BOD, ammoniakal nitrogen dan pepejal terampai. BOD yang tinggi kerap kali dikaitkan dengan pengolahan sisa kumbahan yang tidak mencukupi atau akibat pelepasan efluent daripada industri-industri pengilangan dan berasaskan pertanian. Punca utama NH<sub>3</sub>-N pula boleh dikaitkan dengan aktiviti penternakan dan kumbahan domestik manakala punca utama SS adalah kerja-kerja tanah yang tidak teratur dan aktiviti pembukaan tanah seperti pembalakan.

Selain daripada itu, jumlah sisa pepejal yang dijumpai pada permukaan air dan dalam badan air juga semakin meningkat yang disebabkan oleh pengurusan sisa pepejal yang tidak teratur dan cekap. Terdapat juga masyarakat yang sering mengambil jalan mudah dengan membuang sisa pepejal atau sampah dari rumah secara terus ke dalam sungai dan tasik yang seterusnya berakhir di lautan. Selain itu, sampah yang dibuang merata-rata juga akan akhirnya dibawa ke sungai / laut oleh angin atau air hujan yang turut menjadi penyumbang kepada pencemaran badan air (M. Fakhrurrazi Ahmad et al., 2019) .

Seterusnya, gangguan kitaran air akibat penebangan hutan yang tidak terkawal juga menjadi salah satu punca berlaku kemerosotan pengurusan air dan sungai. Apabila penebangan hutan yang tidak terkawal berlaku, permukaan tanah yang terdedah semakin meluas. Apabila hujan turun dengan lebat, air hujan tidak dapat ditampung, pergerakan tanah akan berlaku akibat ketiadaan cengkaman akar pokok dan menjadikan struktur tanah tidak stabil. Ia seterusnya mengakibatkan fenomena banjir lumpur dan tanah runtuh terutamanya pada musim tengkujuh. Sungai pula akan menjadi tercemar dengan lumpur yang dibawa oleh air larian permukaan. Situasi ini diburukkan lagi dengan sampah sarap yang dibuang ke dalam sungai (M. Fakhrurrazi Ahmad et al., 2019). Maka, wajarlah tajuk kajian ini perlu dilaksanakan bagi membuka minda individu mahupun masyarakat bahawa memulihara air dan sungai adalah tanggungjawab bersama.

Anwar Patho Rohman(2014)<sup>13</sup> pernah menyatakan dalam penulisannya mengenai “Kemosotan Sumber Air Angkara Tangan Manusia” bahawa mungkin ramai yang tidak sedar akan masalah ini. Sumber air negara menjadi semakin merosot disebabkan banyak hutan dan bukit yang menjadi kawasan tadahan air diteroka serta digondolkan bagi tujuan pembangunan. akibat aktiviti penebangan pokok dan menggondolkan bukit secara massa bagi tujuan pembangunan sesebuah kawasan, khasnya bagi mengejar keuntungan dalam sektor hartanah. Aktiviti berkenaan sebenarnya amat menyumbang kepada berlakunya perubahan iklim di negara ini. Kegiatan ini memberi kesan buruk terhadap alam sekitar serta dapat mempengaruhi cuaca dan iklim tanpa disedari.

Adapun, penekanan mengenai peranan dan kepentingan air pada jurnal Mohd Istajib Mokhtar dan Raihanah Abdullah (2012)<sup>14</sup> yang bertajuk “Undang-Undang Air Islam: Analisis Komparatif Terhadap Aspek Kualiti Air” yang menghuraikan bahawa air (al-Ma’) yang dilafazkan sebanyak enam puluh tiga kali di dalam al-Quran mengandungi pelbagai hikmah yang tersurat dan tersirat yang perlu terus diselidiki. Kehebatan air juga dinyatakan sebagai asas penciptaan semua makhluk. Justeru, air diumpamakan sebagai ciptaan Allah SWT yang kedua hebat selepas manusia. Tambahan pula, beliau juga menyebut sumber-sumber air yang diiktiraf berkualiti (mutlaq) dalam perundangan Islam. Walakin itu, pengkaji ingin membawa kelainan daripada kajian beliau seperti membuka minda masyarakat dengan mengkaji kalam Allah tentang etika atau tatacara manusia terhadap alam sekitar terutamanya dalam memulihara air dan sungai.

### **2.3 Landasan Teori**

Dalam laman sesawang yang ditulis oleh Azirah (2010)<sup>15</sup> berkaitan ”Definisi Minda” telah menjelaskan bahawa minda adalah suatu entiti yang berbeza daripada otak. Ia adalah suatu bentuk tenaga bukan organ. Menurut Bechtel (1988), minda melibatkan keseluruhan daripada fikiran, tanggapan, persepsi, memori, mimpi dan sebagainya. Minda juga dapat ditakrifkan sebagai keupayaan kognitif seperti kebolehan berfikir dan menaakul. Menaakul

---

<sup>13</sup> Anwar Patho Rohman, “Kemosotan Sumber Air Angkara Tangan Manusia”, diterbitkan 07 Oktober 2014, <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/10/10052/kemosotan-sumber-air-angkara-tangan-manusia>

<sup>14</sup> Mohd Istajib Mokhtar & Raihanah Abdullah, “Undang-Undang Air Islam: Analisis Komparatif Terhadap Aspek Kualiti Air”, Jurnal Syariah, Jil. 20, Bil. 2 (2012) 185-218, 4-5

<sup>15</sup> Azirah, ”Definisi Minda”, laman sesawang Google, diterbitkan 02 April 2010, <https://analisis-wacana.livejournal.com/14004.html>

ialah kebolehan seseorang membuat pertimbangan ataupun keputusan dalam keadaan tertentu. Minda juga adalah pusat kawalan bagi emosi seperti risau, marah, takut dan sedia. Menurut Betts (1971), minda adalah gabungan antara perlakuan yang meningkatkan pengetahuan iaitu ingatan, imaginasi, diskriminasi, perbandingan dan alasan dengan perlakuan yang melibatkan perasaan iaitu takut, sayang, sedih dan seronak serta melibatkan perlakuan yang menunjukkan kehendak iaitu memilih. Proses-proses itu menjadi satu aliran perlakuan yang dilakukan oleh minda dalam menjalankan tugasnya. Kejayaan minda terhasil apabila semua aktiviti mental itu bekerjasama secara harmoni (Azirah 2010).

Selain itu, di laman web IKIMfm (2021)<sup>16</sup> juga menerangkan minda adalah tidak lain dari 'diri' insan itu sendiri, yang sedar, berfikir dan berkehendak. Manakala yang dimaksudkan dengan 'Minda Qurani' pula adalah minda baharu ataupun diri baharu, yang muncul dan terbina dengan penurunan al-Qur'an, iaitu suatu minda yang mempunyai kesedaran baharu, pemikiran baharu dan kehendak baharu. Minda baharu inilah yang telah mengobarkan semangat dan peradaban baharu yang cahayanya menerangi dunia selama lebih dari seribu tahun. Al-Qur'an adalah punca makna diri Kaum Muslimin, dan punca kesedarannya terhadap tugas dan tanggungjawabnya di dunia ini.

Manakala minda Qurani pula yang dibentang oleh Encik Abu Bakar Bin Yang (2002)<sup>17</sup> yang bertajuk "Menjana Minda Qurani" adalah berunsurkan iman, melahirkan dinamika dengan pembentukan aktiviti akal yang cergas berfikir. Melalui aktiviti akal yang sebeginilah akan tercetusnya dinamika masyarakat yang menggerak perubahan. Akal yang sentiasa dihidupkan dengan aktiviti berfikir tidak mungkin statik, bahkan ianya sentiasa dinamik. Dinamika akal ini sentiasa berada seiring dengan keimanan dan kerohanian. Integrasi iman yang teguh dan akal yang aktif sentiasa membentuk acuan yang mencorakkan pembangunan masyarakat dan negara dan menentukan arahnya. Ia membentuk paradigma di dalam kegiatan dan aktiviti kaum muslimin.

Secara tuntasnya, berdasarkan kajian yang dibaca, pengkaji dapat simpulkan bahawa minda qurani amat penting dalam pembangunan diri seseorang terutama berkaitan dengan tajuk yang ingin dikaji, dalam pengurusan air dan sungai. Di saat seperti inilah kita perlu

---

<sup>16</sup> Unit Perhubungan Korporat, Seminar Sehari 'Pembangunan Minda Qur'ani', diterbitkan 09 Mac 2021, <http://www.ikim.gov.my/index.php/2021/03/09/seminar-sehari-pembangunan-minda-qurani/>

<sup>17</sup> Encik Abu Bakar Bin Yang, "Menjana Minda Qurani", laman sesawang Google, diterbitkan 21 November 2002, <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2002/11/21/menjana-minda-qurani/>

melihat kembali kepada nilai-nilai yang dibawa oleh al-Quran dan beramal dengan nilai-nilai tersebut. Dengan penghayatan nilai-nilai al-Quran yang menyeluruh mampu mengubah minda masyarakat yang baharu akan kepentingan alam sekitar.

#### **2.4 Kesimpulan**

Sorotan literatur adalah penting dalam menghasilkan sesebuah kajian. Melalui pemerhatian dan pembacaan kajian-kajian terdahulu, pengkaji dapat mengukuhkan lagi bahawa tajuk kajian yang dicadangkan sewajarnya dilaksanakan. Tambahan pula, pengkaji telah merumuskan beberapa masalah dan jurang pengetahuan daripada hasil pengkajian penulisan-penulisan yang lepas dengan tujuan tajuk kajian yang ingin dijalankan.



## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Metodologi kajian adalah meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian menjadikan kajian yang dijalankan lebih bersistematik dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif. Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian yang dilaksanakan (Muhamad Fahmi 2012).

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian (Kamarul Shukri Mak Teh 2015). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana satu kajian penyelidikan pengkaji bergantung kepada pandangan peserta atau informan, mengumpul data dalam bentuk teks atau perkataan, menjelaskan dan menganalisis data-data yang terkumpul melalui bentuk-bentuk analisis yang sesuai untuk digunakan<sup>18</sup>.

Manakala, penelitian kualitatif menurut Saryono (2010), merupakan penelitian yang digunakan untuk menyelidiki, menemukan, menggambarkan, dan menjelaskan kualitas atau keistimewaan dari pengaruh social yang tidak dapat dijelaskan, diukur atau digambarkan melalui pendekatan kuantitatif. Fenomenologi digunakan sebagai penelitian yang akan menggali data untuk menemukan makna dari hal-hal mendasar dan penting dari fenomena, realiti, atau pengalaman yang dialami oleh objek penelitian. Penelitian fenomenologi dapat dimulai dengan memperhatikan dan menelaah fokus fenomena yang hendak diteliti, yang melihat berbagai aspek subjektif dari perilaku objek<sup>19</sup>.

#### **3.3 Metode Pengumpulan Data**

---

<sup>18</sup> Rashidah Awang, "Apa itu Kajian Kualitatif", diakses 18 Mei 2021, <https://www.slideshare.net/rashidahawang3/apa-itu-kajian-kualitatif>.

<sup>19</sup> gurupendidikan, "Metode Penelitian Kualitatif", diakses 3 Mei 2021, <https://www.gurupendidikan.co.id/metode-penelitian-kualitatif/>

Untuk mendapatkan suatu data pada penelitian, peneliti harus mengetahui metode pengumpulan data yang digunakan (Tasya Awlia 2020). Kajian ini dijalankan melalui data kualitatif yang berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati dengan kaedah temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. (Kamarul Azmi Jasmi 2012).

### **3.3.1 Kaedah Temubual**

Kaedah ini melibatkan antara perbualan pengkaji dengan individu bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan (Fadz Dila 2016). Maka temu bual yang digunakan adalah secara separa berstruktur iaitu perbualan di mana pengkaji tidak mengikut senarai soalan yang diformalkan. Menurut Merriam (1998) dan Stake (1995), temu bual separa berstruktur menyediakan peluang untuk penyelidik mendapatkan maklumat lanjut daripada subjek. Temubual telah dilakukan daripada 26 Mei – 04 Jun 2021 dan mengambil masa lebih kurang 1 hingga 2 jam bagi setiap responden. Pengkaji menemu ramah beberapa individu yang berkenaan mengenai soalan-soalan yang selari dengan objektif kajian bagi membuktikan bahawa kajian ini berhasil dan berkualiti. Di samping itu juga, pengkaji dapat mengambil maklumat secara terus dengan informan-informan berkenaan. Dalam hal ini, pihak yang ditemu bual dikenali sebagai informan. Walakin itu, melihat kepada keadaan wabak Covid-19 kian menular, temubual hanya dapat dilakukan secara atas talian melalui *Google Meet* sahaja.

Senarai soalan telah disiapkan terlebih dahulu, dan ketika proses temubual dijalankan, soalan-soalan berkaitan isu berbangkit bila dianggap perlu, pengkaji akan menanyakan secara serta merta kepada responden. Dalam hal ini, seramai 7 informan mengikut bidang dan jawatan yang dipegang yang dijalankan telah ditemu bual, sama ada dalam bidang Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Bahagian Pengurusan Sumber Air. Pengkaji juga memilih salah seorang informan untuk mejadi sampel yang mewakili dari penduduk asal pengkaji di Terengganu sebagai analisis lokasi kajian kerana di kawasan tersebut terdapat salah satu sungai di Terengganu yang menarik pelancong di sana adalah Jambatan Angkat Terengganu.

Adapun proses temu bual yang pengkaji lakukan iaitu pengkaji akan menanyakan beberapa soalan yang berhubung kait dengan kajian dan jawatan serta kefahaman responden terhadap soalan-soalan tersebut. Soalan-soalan yang ditanyakan adalah seperti berikut :

- 1) Apakah konsep dan ciri-ciri minda Qurani dalam pengurusan air dan sungai?
- 2) Apakah peranan air dan sungai menurut al-Quran?
- 3) Apakah kepentingan air terhadap kehidupan individu mahupun masyarakat?
- 4) Apakah masalah-masalah yang telah dihadapi oleh masyarakat terhadap pengurusan air dan sungai?
- 5) Adakah salah satu faktor berlakunya masalah air atau gangguan kitaran air kerana aktiviti/sikap daripada individu/masyarakat terhadap pengurusan air dan sungai?
- 6) Apakah tatacara dan etika individu terhadap pengurusan air dan sungai melalui minda Qurani?

### **3.3.2 Kaedah Pemerhatian**

Pengkaji juga menggunakan kaedah ini kerana antara salah satu kaedah untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Kaedah ini merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain temubual. Dengan pemerhatian peserta, pengkaji dapat mengalami sendiri aktiviti yang dirancang dan menjadikan dapatan pemerhatian lebih sah dan boleh dipercayai (Anis Ibrahim 2012).

### **3.3.3 Kaedah Analisis Dokumen**

Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan<sup>20</sup>. Daripada kajian ini, analisis dokumen digunakan supaya pengumpulan data dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu (Kamarul Azmi Jasmi 2012). Tujuan penyelidikan membuat analisis dokumen adalah untuk menyokong data yang diperolehi melalui pemerhatian dan temu bual (Othman Lebar, 2009). Menurut Lofland

---

<sup>20</sup> Kamarul Azmi Jasmi, "Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif", Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia 2012, 11

dan Lofland (1995), sumber data utama dalam penyelidikan kualitatif ialah kata-kata dan tindakan, selebihnya adalah data tambahan seperti dokumen dan lain-lain.

### **3.4 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ialah apa-apa alat yang digunakan untuk mengumpul dan memperolehi data kajian<sup>21</sup>. Menurut Creswell (1994) dalam kajian kualitatif penyelidik bertindak sebagai instrumen kajian (Johanes Bulot@Bulat 2015). Oleh itu, pengkaji adalah instrumen utama yang bertindak untuk memungut data secara pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen di lapangan seterusnya menganalisis data. Justeru, penyelidik perlu berada dalam situasi yang dikaji, contohnya mendengar dan memerhati sendiri fenomena yang menjadi persoalan utama dalam kajian (Johanes Bulot@Bulat 2015).

Tambahan pula, pengkaji menggunakan alat-alat bantu untuk mengumpulkan data seperti rakaman audio dan nota-nota lapangan. Hal ini kerana, penggunaan alat-alat bantu sangat penting untuk merakam peristiwa-peristiwa di persekitaran ketika menjalankan kutipan data agar dapat menjadi rujukan penting jika berlaku kekeliruan dan kecaciran data ketika di lapangan (Chua Yan Piaw, 2006). Lofland & Lofland (1995) mencadangkan bahawa jika nota-nota lapangan diperlengkap dengan pita rakaman (Johanes Bulot@Bulat 2015).

### **3.5 Metode Analisis Data**

Metode analisis data adalah fasa proses penelitian di mana data yang dikumpulkan diproses untuk menanggapi perumusan masalah. Pengelolaan dan pemrosesan data disebut analisis data (Abdillah 2021). Dalam penelitian kualitatif, pengkaji mengaplikasikan analisis tematik untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan. *Thematic analysis* merupakan salah satu cara untuk menganalisis data dengan tujuan untuk mengidentifikasi pola atau untuk menemukan tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh peneliti (Heriyanto 2018). Selanjutnya, dilakukan dengan cara transkripsi bagi mengupas secara mendalam apa yang terjadi daripada sebuah peristiwa melalui perspektif individu, maka pengkaji melakukan rakaman dan transkrip. Kaedah ini ibaratnya adalah 'harta karun' peneliti yang perlu untuk dieksplorasi maknanya lebih dalam. Disini peneliti perlu untuk memahami dan menyatu

---

<sup>21</sup> Ustazkenali, "Instrumen Kajian", diakses 18 Mei 2021, <https://ustazkenali.wordpress.com/2012/06/08/instrumen-kajian/>

dengan data kualitatif yang diperolehnya. Dan tidak ada cara lain yang lebih efektif untuk lebih menyatu dengan data selain membaca dan membaca kembali transkrip temubual dan bahkan mendengarkan kembali rakaman temubual yang sudah dibuat selama proses pengumpulan data (Heriyanto 2018). Jelaslah bahawa analisis tematik sesuai digunakan untuk pengolahan data.

### **3.6 Kesimpulan**

Metodologi yang jelas amat penting sebelum menjalankan sesuatu kajian. Hal ini kerana, kualiti kajian itu bergantung kepada ketepatan penggunaan kaedah yang sesuai dengan objektif dan persoalan kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji. Metodologi ini sewajarnya menggunakan teknik yang betul dan bersistematik bagi menghasilkan dapatan kajian yang mempunyai penghasilan yang baik. Dalam bab ini, pengkaji telah menggariskan metode kajian yang menjadi sandaran kepada tajuk kajian.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan analisis data dan membentangkan dapatan-dapatan kajian yang telah dilakukan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada jawapan informan melalui instrumen kajian. Analisis data pula dibuat berdasarkan objektif dan soalan kajian sepertimana yang telah dinyatakan dalam Bab Pertama.

#### 4.2 Dapatan Kajian dan Perbincangan

##### 4.2.1 Konsep Minda Qurani Dalam Pengurusan Air Dan Sungai

Berdasarkan temubual bersama Dato' Prof. Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff (Jabatan Al-Quran dan Hadith), beliau menjelaskan bahawa Al-Quran menganjurkan umatnya untuk menjadi umat yang berfikir sepertimana saranan al-Quran untuk manusia sentiasa berfikir tentang tanda-tanda kebesaran Allah dan memerhati alam ciptaan Allah. Firman Allah S.W.T:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ ۖ لِأُولِي الْأَلْبَابِ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا  
وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا تُسَبِّحُنَا فَفَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: “Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingat Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka”(Surah al-Imran:190-191)

Minda yang cergas berfikir ini akan membentuk dan mengembangkan nilai-nilai budaya, persekitaran hidup serta menjana kemajuan dan peradaban ummah. Hasil daripada itu, beliau memaknakan minda Qurani merupakan pemikiran beliau sebagai refleksi dalam berinteraksi bersama al-Quran, disebabkan dengan penglibatan beliau dalam aktiviti sosial, kemasyarakatan, kebajikan, pengurusan, pergaulan dan sebagainya. Beliau juga mendefinisikan secara umumnya minda Qurani adalah pemikiran, tingkah laku serta akhlak umat Islam selari dengan tuntutan al-Quran. Minda Qurani adalah minda yang menjadikan al-Quran sebagai panduan dan rujukan dalam segenap aspek kehidupan.

Selain itu, minda Qurani juga membaca, memahami, mentdabbur dan mengamalkan al-Quran bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْعَانَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَاهَا

Maksudnya: Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)? (Surah Muhammad: 24)

Imam Ibn Kathir dalam Tafsir al-Quran al-Azim dalam menerangkan ayat ini mengatakan bahawa, “Allah mengarahkan mereka agar mengamati isi-isi al-Quran dan melarang mereka dari berpaling daripadanya. Allah juga mengarah mereka agar memahami maksud ayat-ayat al-Quran yang begitu halus lafaznya serta dipenuhi kebijaksanaan.” Justeru, sebagai umat Islam kita disarankan untuk memahami al-Quran dan mengamalkannya tidak sekadar membaca dan menghafalnya.

Begitu juga dengan Puan Khairunnisa Binti Ismail (Jabatan Al-Quran dan Hadith) melalui wawancara, beliau mengatakan minda Qurani adalah individu yang menjalani kehidupannya dengan didikan dan acuan daripada al-Quran selari dengan kajian yang dijalankan memberi penekanan dalam pemuliharaan air dan sungai. Hal ini tercetus apabila melihat kepada isu-isu dalam pengurusan alam sekitar umumnya, faktor utama yang berlaku adalah disebabkan perbuatan dan cara pemikiran individu itu sendiri terhadap pengurusan air dan sungai. Persis yang dibentangkan oleh Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman

(Jabatan Kesihatan Persekitaran & Pekerjaan) mengenai sikap individu adalah elemen penting yang mempengaruhi kelestarian air dan sungai.

Sikap ditentukan oleh banyak faktor seperti cara berfikir, etika, pengetahuan, persepsi dan sebagainya. Sebagai contoh, cara berfikir yang betul boleh membawa kepada tindakan dan pendirian yang betul terhadap aspek penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Tamsilnya dalam menterjemahkan kegagalan sikap dan cara berfikir masyarakat terhadap alam sekitar adalah menggunakan air secara berlebihan sehingga berlakunya pembaziran air yang akhirnya mengancam sumber tersebut dan kehidupan manusia dan hidupan sejagat. Ini menunjukkan pencemaran yang berlaku adalah berpunca daripada cara berfikir, sikap, tindakan dan budaya masyarakat yang gagal diterjemahkan secara lestari ketika berinteraksi dengan alam sekitar.

Menurut Dr. Ahmad Fakhurrazi Bin Mohammed Zabidi (Jabatan Al-Quran dan Hadith) pula, beliau mentakrifkan minda Qurani sebagai individu yang sentiasa berhubung dengan Allah melalui al-Quran. Dengan keQuranan, dalam perihalan kehidupan kita, pemikiran kita hanya untuk melestarikan hubungan dengan Allah. Begitu juga pandangan kita terhadap makhluk lain termasuk dalam pengurusan air dan sungai, segala perkara fenomena kehidupan kita berinteraksi dengan semua makhluk reflek kepada kita dengan Allah. Jika diberi penekanan minda Qurani terhadap individu dalam pengurusan air dan sungai, maka secara tidak langsung setiap perilaku yang dilakukan akan sentiasa berhati-hati dan berakhlak dengan keadaan sekeliling mengikut acuan yang ditentukan oleh al Quran.

#### **4.2.2 Peranan Air dan Sungai Menurut Al-Quran**

Air merupakan satu khazanah alam yang tidak ternilai harganya. Air adalah sumber penting dalam kehidupan. Di dalam al-Quran, Allah berfirman:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: "...dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup, maka mengapa kamu tidak mahu beriman? (Surah al-Anbiya':30).



Ayat ini menunjukkan betapa air memainkan peranan yang penting dalam kejadian pelbagai makhluk Allah SWT dan untuk itu, makhluk tersebut juga berhajat terhadap air. Dijelaskan lagi oleh Ir. Dr. Asnor Muizan bin Hj. Ishak (Ketua Penolong Pengarah Kanan) Bahagian Sumber Air dan Hidrologi di Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia melalui temubual, beliau menyatakan, hampir 3/4 daripada permukaan bumi adalah kawasan berair. Begitu juga dengan tubuh badan manusia di mana 70% daripada komposisi tubuh manusia adalah air dan hanya 30% adalah daratan. Malah bukan untuk manusia sahaja, air juga penting untuk kehidupan alam sekitar, binatang, tumbuhan, sekalipun untuk mencipta barang seperti cawan walaupun bukan satu kehidupan, tetapi ia memerlukan air untuk dicipta oleh manusia. Kajian menunjukkan bahawa manusia boleh hidup lebih seminggu tanpa makanan tetapi hanya beberapa hari tanpa air. Ini menggambarkan betapa pentingnya air dalam kehidupan kita.

Sebagaimana yang dihuraikan oleh Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman (Jabatan Kesihatan Persekitaran & Pekerjaan) bahawa air merupakan elemen yang penting selepas udara bagi kelangsungan kehidupan manusia. Di samping itu juga, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan manusia seluruhnya bergantung sepenuhnya kepada kewujudan, penggunaan dan pengurusan air yang lestari agar ketamadunana manusia dapat diteruskan. Kepentingan air kepada individu adalah sebagai memenuhi sumber asas kehidupan seperti minuman, mandi, mencuci dan juga keperluan-keperluan lain seperti menyiram tanaman, membasuh kereta dan membersihkan sekitar rumah. Dalam skala yang lebih besar iaitu masyarakat dan negara, air adalah sumber penting untuk menggerakkan ekonomi dan seterusnya menjana pendapatan melalui aktiviti seperti pertanian dan perindustrian.

Secara umumnya, informan-informan telah mengatakan terdapat banyak surah dan ayat di dalam al-Quran mengenai air. Melalui pemerhatian dan pembacaan, pengkaji telah mendapati beberapa ayat yang berkaitan dengan air adalah seperti berikut:

Al-Quran menyebutkan salah satu manfaat mendasar air bagi kehidupan makhluk-makhluk di bumi (Bagus Purnomo 2020). Firman Allah:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لَكُمْ مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ شَجَرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ

Maksudnya: “Dialah yang telah menurunkan air (hujan) dari langit untuk kamu, sebagiannya menjadi minuman dan sebagiannya (menyuburkan) tumbuhan, padanya kamu menggembalakan ternakmu. (an-Nahl: 10)

Air juga merupakan simbol kehidupan dan kemandirian bagi semua ciptaan Tuhan:

وَهُوَ الَّذِي أَرْسَلَ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ ۗ وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً طَهُورًا ﴿48﴾ لِنُحْيِيَ بِهِ بَلْدَةً مَيِّتًا

وَنُصِّفِيهِ ۗ مِمَّا خَلَقْنَا أَنْعَامًا وَأَنَاسِيَّ كَثِيرًا ﴿49﴾

Maksudnya : “Dan Dia lah Tuhan yang menghantarkan angin sebagai berita gembira sebelum kedatangan rahmatNya, dan Kami menurunkan dari langit: air yang bersih suci, Untuk Kami hidupkan dengan air itu bumi yang mati, serta memberi minum air itu kepada sebahagian dari makhluk-makhluk Kami, khasnya binatang ternak yang banyak dan manusia yang ramai.” (Surah Al-Furqan:48-49)

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَّاهُ فِي الْأَرْضِ ۗ وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍ بِهِ لِقَادِرُونَ

Maksudnya : “Dan kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu serta kami tempatkan ia tersimpan di bumi dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya” (Surah al-Mu’minun: 18)

Tidak dinafikan sungai juga sebagai salah satu unsur alam semula jadi ciptaan Tuhan merupakan satu khazanah yang perlu kita pelihara supaya fungsinya dalam kehidupan makhluk di dunia ini sentiasa berkekalan. Di Malaysia, kita amat beruntung kerana dikurniakan banyak sungai untuk kegunaan masyarakat tempatan biarpun corak kehidupan manusia pada masa ini telah berubah<sup>22</sup>. Sungai adalah antara nikmat alam yang dianugerahkan oleh Allah kepada kita. Semua orang tahu sungai yang bersih boleh menyumbang ke arah kegiatan ekonomi, aktiviti riadah, industri pelancongan dan keharmonian alam sekitar (Ahmad Zaharuddin Sani bin Ahmad Sabri 2004). Melalui perbualan pengkaji bersama Ir. Hajah Bibi Zarina binti Che Omar Bahagian Sumber Air dan Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia, beliau menghuraikan bahawa

---

<sup>22</sup> Penulis tidak diketahui, “Kepentingan Sungai Sebagai Sumber Air”, laman sesawang Blogspot, diakses 04 Jun 2016, <http://blogpenggunaml.blogspot.com/2016/06/kepentingan-sungai-sebagai-sumber-air.html?m=1>

memandang sungai adalah suatu yang menenangkan dan memberi sumber ketenangan kepada manusia.

Allah telah menganugerahkan sungai kepada manusia untuk pelbagai faedah sebagaimana firmanNya dalam al Quran:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ  
الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ الْيَمِينَ الْأَنْهَارَ ۗ

Maksudnya: “Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menurunkan air hujan dari langit, kemudian Dia mengeluarkan dengan air hujan berbagai buah-buahan menjadi rezeki untukmu, dan Dia telah menundukkan bahtera bagimu, supaya bahtera itu belayar di lautan dengan kehendakNya, dan Dia telah menundukkan pula bagimu sungai-sungai” (Surah Ibrahim: 32)

#### **4.2.3 Etika dan Tatacara Individu Terhadap Pengurusan Air dan Sungai**

Islam merupakan cara hidup dengan peraturan dan amalan yang mudah difahami, serta garis panduan yang jelas untuk semua. Antara panduan yang diberikan adalah berkenaan etika di dalam pemeliharaan sumber air dan salirannya. Ini kerana air banyak memainkan peranan di dalam aktiviti kehidupan. Air diperlukan untuk kemandirian hidup, menjaga kebersihan, menyuburkan tanaman serta medium perhubungan (M. Fakhurrrazi Ahmad et al., 2019).

Menurut perbualan bersama Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman (Jabatan Kesihatan Persekitaran & Pekerjaan), beliau menitikberatkan tentang etika yang ditunjangi oleh ilmu pengetahuan dan agama sangat penting kerana dengan adanya ilmu, manusia akan lebih berfikiran terbuka, kritis dan celik pengetahuan dalam memastikan mutu alam sekitar kekal terpelihara. Mempraktiskan sifat-sifat mulia ketika menjalin hubungan dan berinteraksi dengan alam sekitar seperti elemen kasih sayang, prihatin terhadap aspek kebersihan dan bertanggungjawab merupakan aspek yang perlu diutamakan dalam memastikan alam sekitar berada pada tahap terbaik.

Justeru, membangunkan individu supaya mempunyai kesedaran, pengetahuan, sikap, kemahiran dan penglibatan yang aktif dalam melestarikan alam sekitar dapat menjamin kualiti alam sekitar yang berterusan. Ini membuktikan perubahan yang berlaku ke atas alam sekitar bergantung kepada tahap pengetahuan individu terhadap alam sekitar. Pendidikan juga adalah medium terbaik untuk menyebarkan konsep pendidikan pembangunan lestari kepada masyarakat umum. Maka pengetahuan formal dan informal yang sedia ada perlu ditambahbaik dan diterap serta diimplementasikan dalam kehidupan seharian supaya kesihatan dan kesejahteraan alam sekitar berterusan pada masa akan datang. Oleh itu, pendedahan awal tentang alam semula jadi khususnya di peringkat awal kanak-kanak hingga dewasa perlu diterapkan demi menjamin kelestarian alam sekitar. Berdasarkan hadith daripada Anas bin Malik, Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud :

“Tujuh perkara yang membolehkan seseorang iut masih berterusan mendapat pahala walaupun setelah meninggal dunia

- i) Ilmu yang diajarkan
- ii) Mata air yang dialirkan
- iii) Perigi yang digali
- iv) Pohon yang ditanam
- v) Masjid yang dibina
- vi) Mashaf Al-Qur'an yang ditinggalkan sebagai pusaka
- vii) Anak-anak yang sentiasa mendoakan keampunan untuknya

Daripada tujuh amalan tersebut, empat amalan adalah berkaitan dengan kesedaran dan pelestarian alam sekitar; iaitu ilmu yang diajarkan (manfaat ilmu), mata air yang dialirkan (sumber air), perigi yang digali (bekalan air) serta pohon yang ditanam (penyerap karbon dan sumber makanan) (M. Fakhurrizi Ahmad et al., 2019).

Selain itu, Puan Khairunnisa Binti Ismail (Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith) dan beberapa informan yang lain juga menekankan supaya elakkan daripada pembaziran. Islam sebagai sebuah agama yang lengkap, telah menggariskan, sifat membazir serta berlebihan merupakan satu sifat terkeji yang dianggap menyamai sifat yang dimiliki oleh syaitan (Ahmad Zaharuddin Sani bin Ahmad Sabri 2004). Seperti mana yang dijelaskan di dalam Al-Quran, Allah berfirman :

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ ۗ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

:Maksudnya Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Rabbnya. (Surah al-Israk: 27)

Lain daripada itu, salah satu etika terhadap penguasaan air dan sungai yang ditekankan oleh Ir. Dr. Asnor Muizan bin Hj. Ishak (Ketua Penolong Pengarah Kanan) Bahagian Sumber Air dan Hidrologi di Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia adalah menjaga kebersihan.

Islam menganggap bersuci atau kebersihan itu sebagai sebahagian daripada Iman (Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri 2018). Ini diterangkan dalam sebuah hadith Rasulullah SAW bersabda:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: “Bersuci itu adalah antara ciri-ciri keimanan.” (Riwayat Muslim (223)

Islam telah mendidik manusia untuk menjaga kebersihan melalui beberapa aktiviti: wudhu', mandi, menggosok gigi, memotong rambut dan kuku, membasuh tangan sebelum dan selepas makan serta tidak melakukan pencemaran sesuka hati (M. Fakhurrrazi Ahmad et al., 2019). Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyukai orang yang menyucikan diri” (Al-Baqarah: 222)

Kebersihan juga merupakan keindahan. Nabi SAW bersabda yang bermaksud “Sesungguhnya Allah itu indah dan Allah menyukai keindahan”

Beliau menghuraikan bahawa bukan sahaja menjaga persekitaran di dalam rumah, malah di luar termasuklah sungai. Kita perlulah mengamalkan kebersihan seperti tidak

membuang sampah di dalam sungai. Tamsilnya, sebahagian individu yang tidak berminda Qurani, mereka membuang sampah dengan sengaja tanpa memikirkan bahawa sungai dan air adalah anugerah yang datang dengan amanah yang diberikan kepada kita dan kita akan disoal di akhirat kelak terhadap apa yang kita lakukan kepada diri sendiri, makhluk lain dan alam ini. Amanah yang diberikan oleh Tuhan kepada manusia untuk mentadbir bumi bermaksud kita harus menunaikannya dengan rasa penuh tanggungjawab (M. Fakhurrazi Ahmad et al., 2019). Firman Allah SWT :

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksudnya : “Sesungguhnya kami telah menawarkan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang; tetapi mereka enggan untuk memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (berat), lalu manusia pun sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia itu sangat zalim dan bodoh.” (Surah Al-Ahzab: 72)

Di samping itu juga, beliau menegaskan supaya tidak melakukan pencerobohan kawasan tadahan air. Jika keseimbangan ini diganggu gugat oleh aktiviti-aktiviti manusia yang tidak bertanggungjawab, ia akan menyebabkan peningkatan pengaliran air ke permukaan bumi yang dikaitkan dengan masalah pencemaran, banjir dan tanah runtuh, ini juga yang disebut sebagai malapetaka (Ahmad Zaharuddin Sani bin Ahmad Sabri 2004). Wajarlah setiap daripada kita perlu sentiasa berminda qurani dengan menghayati mesej-mesej dalam al-Quran dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Allah SWT menciptakan bumi sebagai tempat untuk didiami manusia dalam keadaan sempurna. Namun manusia telah menyebabkan pencemaran dan kemusnahan hasil daripada perbuatan mereka sendiri. Firman Allah SWT:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: “Telah jelas kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia; Allah mengkehendaki agar mereka merasakan sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).” (Surah al-Rum: 41)

Maka segala amalan yang mendatangkan kemudharatan kepada alam sekitar perlulah dihentikan agar bumi ini dapat menjadi tempat yang selamat untuk didiami untuk generasi akan datang.

Akhir sekali, wawancara bersama salah seorang penduduk di Terengganu iaitu Abdul Muiz Bin Kamarudin (Mahasiswa Pengajian Islam), didapati salah satu sungai di Terengganu yang menarik pelancong di sana adalah Jambatan Angkat Terengganu, beliau mengatakan bahawa penjagaan alam sekitar termasuk air dan sungai dapat dibendung jika dicelik minda dalam melakukan sesuatu dengan menerapkan nilai ‘ihsan’ sebagai langkah pencegahan kepada pembuangan sampah dan anggaplah segala perbuatan yang tidak elok itu dihitung dan dilihat oleh Allah walaupun sebesar zarah. Firman Allah :

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

Maksudnya: Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat dzarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya(7) Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan sebesar dzarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya pula(8). (Surah al-Zalzalah: 7-8)

### 4.3 Kesimpulan

Intihannya, dapatan kajian daripada pemerhatian telah memberi gambaran dan bukti yang jelas bahawa jika tidak diterapkan cara pemikiran mengikut acuan daripada al-Quran akan memberi kesan yang negative terhadap pengurusan air dan sungai. Sikap sambil lewa atau sikap suka lepas tangan dalam usaha memelihara kebersihan air dan sungai perlu diubah dengan menerapkan nilai-nilai yang dibawa oleh al-Quran mengenai kepentingan air dan sungai itu sendiri bagi menyedarkan masyarakat bahawa manusia digalakkan untuk memakmurkan, mengurus dan memastikan kelestarian alam semulajadi tanpa berlaku pembaziran, penyelewengan dan kemusnahan demi kepentingan bersama.

Dapatan daripada analisis dokumen pula jelas dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang telah dikaji terutamanya berkenaan dengan peranan air dan sungai menurut al-Quran. Daripada kaedah ini juga pengkaji dapat mengukuhkan data-data seperti ayat-ayat dalam kandungan al-Quran dapat diperolehi dengan mudah serta dapat menghubungkan hasil pemerhatian dan temubual. Manakala dapatan daripada temubual pula menekankan kepada konsep minda Qurani yang mesti dititikberatkan sama ada oleh individu atau masyarakat itu sendiri dalam pengurusan air dan sungai. Sewajarnya semua perlu bertanggungjawab dan bekerjasama dengan pihak berkenaan bagi memelihara dan memulihara air dan sungai agar dapat kita wariskan kepada generasi kita yang akan datang. Usaha memelihara keindahan alam sekitar perlu sentiasa berterusan dan menjadi tanggungjawab semua pihak.



## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini membentangkan rumusan daripada analisis dapatan kajian untuk menjawab persoalan-persoalan kajian dan mengusulkan cadangan-cadangan untuk kajian akan datang.

#### **5.2 Rumusan**

Menurut kajian pengkaji yang bertajuk “Analisis Minda Qurani Dalam Pengurusan Air dan Sungai” ini, beberapa perkara yang dapat disimpulkan daripada objektif kajian yang telah ditetapkan. Sebelum kajian dijalankan, pengkaji telah meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan air dan sungai. Hal ini berpunca daripada cara pemikiran yang tidak mempunyai minda saintifik yang membawa kepada tindakan dan pendirian yang salah terhadap aspek penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Sebagai contoh yang diberikan oleh informan, dalam menterjemahkan kegagalan sikap dan cara berfikir masyarakat terhadap alam sekitar adalah menggunakan air secara berlebihan sehingga berlakunya pembaziran air yang akhirnya mengancam sumber tersebut dan kehidupan manusia dan hidupan sejagat. Hasil daripada menganalisis konsep minda Qurani dalam pengurusan air dan sungai, pengkaji telah menemu bual beberapa informan untuk menggambarkan sesuatu maksud atau makna yang berbeza. Dapatan ini dapat dilihat dengan terdapatnya huraian-huraian yang diberikan adalah berbeza. Tetapi secara totalnya dapat dirumuskan bahawa konsep minda Qurani merupakan pemikiran seseorang individu dalam kehidupan sehariannya dengan berpandukan al-Quran.

Selain itu, hasil daripada mengetahui peranan air dan sungai menurut al-Quran melalui analisis dokumen sedikit sebanyak membantu pengkaji dalam membuktikan maklumat yang diperoleh daripada hasil temubual dan pemerhatian. Pengkaji mendapati bahawa banyak di dalam al-Quran menyebut tentang kepentingan air dan sungai. Terdapat perkataan Al-Maa' (Air) misalnya disebut sebanyak 63 kali di dalam al-Quran manakala perkataan yang merujuk kepada sungai muncul sebanyak 52 kali dan ayat berkenaan dengan

mata air, hujan dan awan tidak kurang dari 5 kali bagi setiap satu. Daripada sudut hadith Rasullullah SAW pula, terdapat 28 hadith di dalam Kitab Sahih Bukhari, Jilid 3, buku 40 (bermula dari hadith 541 sehingga 569) yang kesemuanya menceritakan mengenai pengurusan air dan sungai. Intihanya, sungai dan air merupakan ciptaan-Nya yang amat penting kerana banyak memberi kemaslahatan dalam kehidupan harian manusia.

Akhir sekali, mengkaji tatacara dan etika individu terhadap pengurusan air dan sungai melalui minda Qurani dapat dijelaskan daripada hasil wawancara, analisis dokumen dan juga pemerhatian. Pengkaji telah meneliti beberapa masalah dalam pengurusan air dan sungai adalah disebabkan salah satu sikap individu sebagaimana yang telah dijelaskan oleh informan-informan. Kajian membuktikan bahawa sikap individu yang tidak berminda Qurani dalam pengurusan air dan sungai menimbulkan pelbagai masalah seperti informan menyatakan berlakunya masalah-masalah seperti pencemaran air dan sungai, pencerobohan kawasan tadahan air, melakukan pembaziran, membuang sampah ke dalam sungai dan sebagainya. Terdapat beberapa etika dan tatacara yang mengikut didikan daripada al-Quran seperti menjaga kebersihan, memaknakan ilmu pengetahuan dan agama, bersikap amanah, mencegah kefasadan bumi dan sebagainya.

### **5.3 Cadangan**

Terdapat beberapa perkara yang ingin dicadangkan oleh pengkaji, yang mana cadangan-cadangan ini adalah dianggap dapat membantu pada masa akan datang. Berikut merupakan cadangan-cadangan oleh pengkaji :

- 1) Memperkembangkan tajuk konsep minda Qurani dengan mengetahui misalnya definisi minda Qurani dan ciri-ciri orang yang berminda Qurani dengan lebih terperinci kerana ia meliputi semua aspek kehidupan seperti yang dikatakan oleh Dato' Prof. Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff dan Dr. Ahmad Fakhurrazi Bin Mohammed Zabidi bahawa minda Qurani dapat dikembangkan dalam konteks interaksi, sebagai contoh, minda Qurani dalam perspektif alam sekitar, minda Qurani dalam pengurusan air dan sungai, pentadbir awam, pengurusan masa, pengurusan kebajikan, kemasyarakatan, aspek pembinaan rumah tangga, dan sebagainya.

2) Membungkait pengurusan air dan sungai dengan minda keQuranan melalui acuan al-Quran dengan mengkaji lebih terperinci berkaitan dengan faktor, punca, etika dan tatacara serta langkah-langkah yang perlu diambil dalam memulihara air dan sungai

3) Mengkaji lebih mendalam berkenaan dengan kepentingan alam sekitar khususnya dalam pengurusan air dan sungai melalui mesej-mesej yang disampaikan oleh al-Quran dengan mengetahui dan dapat menerangkan maksud-maksud yang diterjemahkan.

4) Juga dapat dikhususkan lokasi kajian bagi penelitian dalam kajian ini.

## **RUJUKAN**

Anwar Patho Rohman, “Kemerosotan Sumber Air Angkara Tangan Manusia”, diterbitkan 07 Oktober 2014, <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/10/10052/kemerosotan-sumber-air-angkara-tangan-manusia>

Azirah, ”Definisi Minda”, laman sesawang Google, diterbitkan 02 April 2010, <https://analisis-wacana.livejournal.com/14004.html>

Chern-Wern Hong et al., “Ancaman Dan Cabaran Dalam Pembangunan Lestari Taman Negara Di Pulau Pinang”, Jurnal 2013, 20

Encik Abu Bakar Bin Yang, “Menjana Minda Qurani”, laman sesawang Google, diterbitkan 21 November 2002, <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2002/11/21/menjana-minda-qurani/>

gurupendidikan, “Metode Penelitian Kualitatif”, diakses 3 Mei 2021, <https://www.gurupendidikan.co.id/metode-penelitian-kualitatif/>

Haliza Abdul Rahman, “Pembangunan Dan Konsep Kelestarian Di Malaysia”, Jurnal 2018, 9

Kamarul Azmi Jasmi, “Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif”, Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia 2012, 11

M. Fakhrurrazi Ahmad et al., Modul Islam dan Pemeliharaan Sungai: Melestarikan Syiar Rahmatan Lil 'Alamin (Kuala Lumpur: International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, 2019), 11

Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil, Gangguan Air Selangor: 15 Badan Kerajaan, Swasta Disaman, diterbitkan 18 Mei 2021, <https://www.sinarharian.com.my/article/139114/EDISI/Gangguan-air-Selangor-15-badan-kerajaan-swasta-disaman>

Mohd Istajib Mokhtar dan Raihanah Abdullah, “Undang-Undang Air Islam: Analisis Komparatif Terhadap Aspek Kualiti Air”, Jurnal Syariah, Jil. 20, Bil. 2 (2012) 185-218, 4-8

Muhammad Rizal Razman et al., “Prosiding Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran Di Alam Melayu”, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia 333.72 2013, 1

Nur Usanai Anuar et al., Pemuliharaan Sungai Menurut Islam Dan Aplikasinya Dalam Konteks Sungai Terengganu, (Terengganu : Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia 2019), 6-7

Penulis tidak diketahui, “Kepentingan Sungai Sebagai Sumber Air”, laman sesawang Blogspot, diakses 04 Jun 2016, <http://blogpenggunam1.blogspot.com/2016/06/kepentingan-sungai-sebagai-sumber-air.html?m=1>

Penulis tidak diketahui, “Bila Badai Reda – Cabaran Industri Air”, diakses 20 Oktober 2020, <https://www.sinarharian.com.my/article/106083/BISNES/Bila-Badai-Reda-ndash-Cabaran-Industri-Air>

Rashidah Awang, ”Apa itu Kajian Kualitatif”, diakses 18 Mei 2021, <https://www.slideshare.net/rashidahawang3/apa-itu-kajian-kualitatif>.

Unit Perhubungan Korporat , Seminar Sehari ‘Pembangunan Minda Qur’ani’, diterbitkan 09 Mac 2021, <http://www.ikim.gov.my/index.php/2021/03/09/seminar-sehari-pembangunan-minda-qurani/>

Ustazkenali, “Instrumen Kajian”, diakses 18 Mei 2021, <https://ustazkenali.wordpress.com/2012/06/08/instrumen-kajian/>